

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8398**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas pihak penganjur perhimpunan perkauman pada 16 September 2015 iaitu Hari Malaysia yang mengakibatkan beberapa anggota polis cedera akibat rusuhan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti serta menggunakan segala peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi mendakwa pihak-pihak yang melanggar undang-undang semasa perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015. Ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada.**

**Bagi perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu, pihak polis menerima sebanyak 26 laporan polis dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper* - IP) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015.**

**Pihak PDRM sedang menyiapkan kertas-kertas siasatan berkaitan dan akan dimajukan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk arahan selanjutnya dalam tempoh yang terdekat ini.**